

RS0000373

PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM RELBAS

OLEH

ABDUL HALIM BIN HALID
SYED DANIAL HARIS BIN SYED HUSIN

Satu kajian Akhir yang disediakan untuk memenuhi
sebahagian dari syarat untuk penganugerahan
Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur
Institut Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor Darul-Ehsan

Mei, 1990


INSTITUT TEKNOLOGI MARA
KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH

Adalah disyorkan bahawa Kajian Akhir ini yang disediakan
oleh : ABDUL HALIM BIN HALID
SYED DANIAL HARIS BIN SYED HUSIN

Bertajuk : PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM RELBAS

Di bawah penyeliaan saya/kami diterima sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat untuk penganugerahan Diploma
Perancangan Bandar dan Wilayah.

Diluluskan :-

(PENGERUSI PANEL PENILAI)	TANDATANGAN	TARIKH
		15.6.90
(TN.HJ.AHMAD SUHAIMI ISMAIL) (PENYELIA UTAMA)	TANDATANGAN	TARIKH

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Syukur ke hadrat illahi kerana dengan limpah rahmatnya, kami dapat menyudahkan kajian ini mengikut masa yang telah ditetapkan.

Terlebih dahulu, rakaman ribuan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada penyelia kajian ini, Tn. Hj. Ahmad Suhaimi Ismail yang telah memberi tunjuk ajar serta bimbingan dalam membantu kami menyiapkan kajian ini.

Penghargaan serta ucapan setinggi-tinggi terima kasih kami juga kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu kami dari semua aspek terutamanya Pihak Keretapi Tanah Melayu, Urusetia Perancangan Lembah Kelang dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kami juga kepada individu-individu berikut yang telah menyumbangkan buah fikiran dan pandangan-pandangan yang bernas iaitu :-

1. Encik Sabut bin Tarmizi
Pegawai Bahagian Operasi
Keretapi Tanah Melayu
2. Cik Muslimah bt. Shamsudin.
Penolong Pegawai Tadbir

ABSTRAK

Pengangkutan adalah merupakan keperluan utama manusia dalam melakukan perjalanan atau pergerakan dari satu tempat ke satu tempat yang lain tanpa mengambilkira jarak ke destinasi yang dituju.

Sistem perkhidmatan relbas yang diperkenalkan oleh Pihak Keretapi Tanah Melayu, adalah merupakan mod perjalanan yang cuma membuat perjalanan singkat iaitu antara 2 bandar yang berhampiran.

Tujuan perkhidmatan ini (dalam kawasan kajian) adalah untuk memberi kemudahan perkhidmatan kepada pekerja-pekerja di sektor kerajaan mahupun swasta. Malah ianya juga boleh digunakan untuk tujuan perjalanan lain seperti beriadah, membeli-belah dan lain-lain.

Laluan (rel) yang digunakan oleh perkhidmatan relbas ini adalah merupakan laluan (rel) sediaada iaitu laluan (rel) yang digunakan untuk perkhidmatan keretapi barangan dan penumpang.

Adalah dijangkakan kadar pertumbuhan penduduk di kawasan kajian akan meningkat di masa akan datang. Oleh yang

demikian dengan usia perkhidmatan yang baru menjangkau satu tahun, perkhidmatan relbas mempunyai potensi yang baik dalam memberi perkhidmatannya sebagai mod pengangkutan awam di kawasan kajian.